



**[STUDENTS ACCEPTANCE OF THE TEACHER EDUCATION INSTITUTE (IPG)
ON CURRENT FIQH ELEMENTS IN ISLAMIC EDUCATION COURSES]**

**PENERIMAAN PELAJAR INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG) TERHADAP
ELEMEN FIQH SEMASA DALAM KURSUS PENDIDIKAN ISLAM**

Farah Farhana Rosli ^{1*}
Mohd Anuar Ramli¹
Firdaus Abdul Fatah²

Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Perguruan Guru Kampus Ilmu Khas
56000 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: farahfarhanarosli@siswa.um.edu.my

Received Date: 23 June 2018 • Accepted Date: 09 January 2019

Abstract

This research aims to study students' acceptance on contemporary fiqh in Islamic study among Institute of Teacher Education (IPG) students. This research uses qualitative method based on data collection through questionnaire and observation on second semester students' documents. The finding of the questionare and observation is analize through thematic analysis. Based on findings obtained, students understand and learn the concept of current Islamic fiqh contained in the subject of Islamic education that deemed a hit phenomenon and reality from the perspective of Islamic law at the time. The understanding and knowledge that due to teaching strategies and the use of teaching aid education teachers of Islam. Further, the process leading to the readiness of students in the search and explore materials and related resources as well as discussions with friends. In addition, the students also focus on involvement in activities in the classroom. Strengthening knowledge of jurisprudence while also continued with further reading by the student as a reflection of learning in order to strengthen mastery of knowledge of Islamic education nowadays. Therefore, knowledge and skills of teachers play an important role in helping the process of absorption and acceptance of knowledge to students. In fact, the implications of the acceptance of Islamic knowledge is positive in most vulnerable process of appreciation and cultivate knowledge among students.

Keywords: student, fiqh, Islamic education

Abstrak

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji penerimaan pelajar terhadap elemen *fiqh* semasa dalam mata pelajaran Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru (IPG). Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif dengan berbantuan teknik pengumpulan data seperti temu bual dan pemerhatian dokumen pelajar yang berada di semester dua pengajian. Dapatan data temu bual dan pemerhatian juga dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, pelajar memahami dan mengetahui konsep *fiqh* semasa yang terkandung dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang disifatkan sebagai fenomena dan realiti yang melanda dari perspektif hukum Islam semasa. Kefahaman dan pengetahuan itu disebabkan oleh strategi pengajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar guru Pendidikan Islam. Selanjutnya, proses berkenaan membawa kepada kesediaan pelajar dalam mencari dan meneroka bahan dan sumber yang berkaitan di samping perbincangan bersama rakan. Selain itu, pelajar turut memberi tumpuan dengan melibatkan diri dalam aktiviti di dalam kelas. Pemantapan ilmu *fiqh* semasa turut diteruskan dengan pembacaan lanjut oleh pelajar sebagai refleksi pembelajaran bagi memantapkan penguasaan ilmu Pendidikan Islam masa kini. Oleh yang demikian, pengetahuan dan kemahiran guru memainkan peranan penting dalam membantu proses penyerapan dan penerimaan ilmu kepada pelajar. Malah, implikasi penerimaan ilmu Islam adalah positif dalam mendatangkan proses penghayatan dan pembudayaan ilmu dalam kalangan pelajar.

Kata kunci: pelajar, *fiqh* semasa, pendidikan, Islam

Cite as: Farah Farhana Rosli, Mohd Anuar Ramli & Firdaus Abdul Fatah. 2019. Penerimaan pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) terhadap elemen *fiqh* semasa dalam kursus Pendidikan Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 20(1): 25-39.

PENDAHULUAN

Pelajar adalah generasi muda yang menjadi aset berharga pada sesebuah negara. Pelajar berperanan sebagai pemilik modal insan yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan negara berasaskan ilmu pengetahuan dan inovasi semasa. Oleh sebab itu, bidang akademik dijadikan platform pembelajaran yang penting dalam sistem pendidikan demi mencapai tujuan tersebut. Tahap pencapaian pelajar dinilai berdasarkan kecemerlangan pencapaian akademik dan pengembangan sahsiah mereka. Tahap pencapaian itu juga diperolehi daripada kebolehan dan keupayaan individu biar pun proses pembelajaran yang dilalui adalah sama namun kesan yang dimiliki adalah pelbagai di sisi penerimaan pelajar.

Proses pembelajaran adalah usaha dan penglibatan pelajar (Abdull Sukor et al. 2012) untuk menguasai kemahiran dan pengetahuan yang membentuk sahsiah dan nilai semasa (Samsudin et al. 2011). Berkemungkinan wujud pelajar yang berhadapan dengan masalah pembelajaran apabila mereka tidak memiliki kemahiran dan gaya pembelajaran yang berkesan. Masalah ini akan berlanjutan apabila gaya dan cara belajar tidak dapat disesuaikan dengan aktiviti dan pengajaran pensyarah. Apabila aktiviti di dalam kelas tidak dapat diikuti, rasa minat dan tumpuan pada pelajaran tersebut menjadi sukar. Kesan daripada pembelajaran yang sukar akan menjurus kepada kegagalan pencapaian dalam akademik (Nurul Syuhada et al. 2016) dan kesukaran mengaplikasi dalam pembinaan sahsiah sendiri (Norazri 2015).

Sedari itu, Malaysia merencanakan standard prestasi pembelajaran abad ke-21 di seluruh negara

melalui proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) kepada murid dan pelajar bertujuan melahirkan keupayaan dalam kemahiran pembelajaran dan inovasi, kemahiran hidup dan kerjaya, serta kemahiran maklumat media dan teknologi (Jabatan Pelajaran Negeri Johor 2017). Sehubungan itu juga, Institut Pendidikan Guru (IPG) yang menjadi platform latihan dan pengeluaran bakal pendidik perlu menyiapkan persekitaran akademik yang kondusif untuk pembelajaran yang berfokuskan pelajar supaya fasa kurikulum yang dibangunkan adalah relevan, cekap, dan kompeten (Noor Hisham Md. Nawi, 2012). Proses pembelajaran yang efisien turut mempengaruhi kebolehan kognitif bakal guru dalam berfikir analitikal dan kritikal. Malah ia diserap baik melalui penghayatan bakal pendidik dengan kemampuan menyelesaikan masalah, berfikir kreatif, dan penyampaian komunikasi berkesan serta berkebolehan dalam bidang teknologi. Lantas penjelmaan tersebut turut membentuk nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan yang disebarkan kepada masyarakat dan negara sehingga melahirkan golongan sarjana, pekerja mahir dan separa mahir yang berterusan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara (Samsudin Sihaili et al. 2011).

Oleh itu, berbekalkan pengambilkiraan apresiasi negara untuk kepentingan generasi akan datang maka pelaksanaan kurikulum di IPG perlu diteliti dari semasa ke semasa melalui penstrukturan kurikulum dan silibus kursus yang berpaksikan kepada realiti alami Malaysia. Penyerapan elemen-elemen kesemasaan di dalam silibus kurikulum juga bertujuan untuk melahirkan pelajar IPG (bakal pendidik) berketrampilan dan mampu menangkis cabaran mendatang. Selaras dengan itu, Pendidikan Islam di IPG dijadikan teras bagi membentengi pelajar (bakal pendidik) dari anasir globalisasi. Oleh yang demikian, kursus Pendidikan Islam kini distrukturkan semula dengan menumpukan pada isu-isu dan fenomena semasa negara yang memberi dampak kepada pembangunan sosial. Penulisan artikel ini adalah untuk meneliti penerimaan pelajar IPG terhadap elemen fiqh semasa yang terdapat dalam kursus Pendidikan Islam.

ELEMEN *FIQH* SEMASA DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Menurut Ibn Khaldun, pendidikan adalah *hadarah* dalam membangunkan masyarakat yang bertamadun dan dididik dengan sifat-sifat universal bagi menjamin kemakmuran bumi (al-Na‘mi 1994) selari dengan firman Allah dalam Surah al-Baqarah 2:30. Walau bagaimanapun, ketamadunan itu juga dipengaruhi dengan perubahan dan keperluan semasa yang berlaku dalam kemelut sosial masyarakat (Farah Farhana & Mohd Anuar 2016). Maju atau mundurnya tamadun itu juga dinilai melalui pemantapan akhlak dan sahsiah individu. Oleh yang demikian, falsafah pendidikan negara dibina sebagai garis panduan pelaksanaan kurikulum pendidikan bagi menyemai ketamadunan dan mengekalkan budaya bangsa (Noraini et al. 2014). Ini disebabkan oleh pendidikan yang disemai dan diasuh mampu mengubah jiwa serta tingkah laku individu dari aspek sikap, nilai, kepercayaan, pemikiran, dan tindakan (Noor Hisham 2012). Justeru, pendidikan yang diikat serta selari dengan al-Qur’an dan sunnah memberi paradigma yang baik pada keperluan jasmani, kemantapan emosi, dan kejernihan rohani yang membezakan antara individu dengan individu yang lain. Malah al-Qaradawi (2004) menyifatkan pendidikan merupakan garis pemisah antara perkara yang halal dengan yang haram dalam menentukan pahala serta dosa individu. Apatah lagi ia turut berkait dengan permasalahan baharu yang menjadi isu dan memberi kesan kepada perkembangan sosialisasi manusia amnya lalu membawa kepada penentuan hukum syarak (Nasrul Hisyam 2004).

Sehubungan itu, al-Qaradawi mengambil langkah mengklasifikasikan pengistilahan *fiqh* dalam ilmu syariah menurut bidang dan permasalahan khusus bagi memberi kefahaman yang terperinci dalam sesuatu perkara seperti *fiqh* taharah, *fiqh* perubatan, *fiqh* perkahwinan, dan *fiqh* kenegaraan (Farah Farhana et al. 2017). Oleh yang demikian, berdasarkan pandangan sarjana Islam seperti ‘Abd al-Karim

Zaydan (2014) dan Ibn Bayyah (2014) *fiqh* semasa dirujuk sebagai kefahaman mendalam terhadap isu dan permasalahan yang berlaku dalam realiti tempatan yang mendatangkan kesan kepada hukum Islam. Malah kemunculan *fiqh* semasa ini didorong oleh elemen persekitaran dan epistemologi yang mempengaruhi merangkumi perubahan masa, tempat, suasana (Ibn Qayyim al-Jawziyyah 2003), *'urf* dan tradisi, keperluan manusia, cabaran sekeliling, ilmu pengetahuan, serta pemikiran dan intelek (al-Qaradawi 2008; Mahmood Zuhdi 2010). Penilaian masa, tempat, dan suasana adalah berbeza mengikut taburan iklim geografi dan pengembangan tamadun sejarah. Hal ini turut mendorong perlakuan sikap yang membentuk perubahan budaya dalam memenuhi keperluan manusia. Tuntasnya, ia merangsang pancaindera untuk menaakul tanggapan umum berdasarkan ilmu pengetahuan dan saintifik yang dipelajari dengan memberi pandangan yang tersendiri sekaligus memberi cabaran dan tribulasi kepada kehidupan.

Perilaku ini juga menimbulkan percanggahan terhadap hukum Islam khususnya dalam ilmu syariah. Misalnya, dalam ibadah solat lima waktu, umum mengetahui bahawa ibadah solat adalah fardu ke atas semua muslim yang mukalaf. Kewajipan ini hendaklah dilaksanakan dalam waktunya dalam apa jua keadaan. Realiti kini menyaksikan kelangsungan ilmu sains dan teknologi mendatangkan kemudahan kepada masyarakat terutamanya dalam bidang perhubungan dan pengangkutan. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi lapisan masyarakat untuk memanipulasi realiti tersebut dengan kadar yang optima dalam tuntutan kerja. Justeru, bagi individu muslim yang tinggal berjauhan dan perlu berulang alik setiap hari demi memenuhi tuntutan kerja maka ibadah perlakuan solat turut perlu dilaksanakan tanpa culas. Hal ini disebabkan antara syarat wajib dan sah menunaikan ibadah solat adalah Islam, baligh, berakal, suci daripada haid dan nifas, yakin masuk waktunya, menutup aurat, serta mengadap kiblat. Namun sekiranya jarak perjalanan melangkaui dua marhalah (85km-90km) menurut mazhab Shafie, maka jumhur menetapkan adalah harus diberi kelonggaran untuk menghimpunkan solat di antara waktu kedua-duanya (jamak dan qasar). Persoalannya di sini adalah sekiranya jarak tersebut kurang dari marhalah yang ditetapkan dan menambahkan komplikasi keadaan dengan berlakunya kesesakan lalu lintas sehingga memungkinkan kelewatan pada waktu wajib solat. Justeru adalah perlu bagi seorang muslim untuk membuat penelitian dan penganalisaan yang mendalam dari pelbagai perspektif di samping mengambil kira nilai-nilai sejagat (Rahimin Affandi 2009; al-Qaradawi 2008).

Tindak balas elemen-elemen ini dengan ratio kehidupan mampu menjelmakan sikap, etika dan nilai aksiologi yang menjadi pengukur kelakuan manusia (Rumaizuddin 2011). Selanjutnya ia membawa kepada suatu kelaziman yang mencetus perwatakan individu dan penghayatan akhlak yang pelbagai (Deswita 2013; al-Ghazali 2005). Oleh sebab itu, penguasaan *fiqh* semasa adalah wajib dipelajari dan diketahui umum supaya manusia sentiasa peka serta prihatin dan terhindar daripada kekalutan hidup (Basri 2011). Tambahan pula, peranan pendidikan sebagai medium proses pembaharuan bagi melahirkan khalifah bertamadun yang mentadbir dan mengurus kehidupan dengan progresif, komprehensif, dan kompetitif (Nur Firdaus 2002). Justeru, dalam memahami *fiqh* semasa ini adalah perlu bagi masyarakat untuk mengenal pasti dan menganalisis isu yang berlaku di sebalik kepincangan realiti berdasarkan ketepatan dan kepelbagaian informasi serta melalui perbincangan yang mendalam dari perspektif prinsip asas syarak sebelum membuat rumusan (Rahimin Affandi et al. 2009). Analisis yang dilakukan adalah perlu melalui proses penelitian, perbandingan, perhubungan dengan dalil dari sumber yang tepat dan muktabar, di samping respon yang pelbagai dari pihak-pihak yang berautoriti (Mahmood Zuhdi 2006).

Justeru, pengajaran Pendidikan Islam kini perlu menerapkan pengetahuan *fiqh* semasa bagi membantu kefahaman dan penguasaan pelajar dalam mempraktikkan pengetahuan *fiqh*. Pelajar yang jelas memahami konsep *fiqh* dapat menghindarkan kekeliruan dalam masyarakat. Oleh itu, proses

pengajaran tersebut perlu mengikut kewajaran prosedur tanpa berlandaskan nafsu berbantuan kaedah pengajaran abad ke-21. Situasi ini turut membantu interaksi pelajar dalam menguasai pengetahuan *fiqh* semasa.

OBJEKTIF

Kajian ini didasarkan kepada pelajar beragama Islam di semester dua Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) dari setiap bidang pengkhususan kecuali pelajar pengkhususan Pengajian Islam. Pelajar-pelajar ini diwajibkan untuk mengambil kursus Pendidikan Islam (GPI1083) di IPG semasa di Semester Dua pengajian. Kursus ini ditawarkan kepada 27 IPG yang mempunyai pelajar PPISMP. Namun penyelidik hanya membataskan kajian ini kepada empat IPG yang berada di Lembah Klang sahaja bertujuan untuk mengkaji dan mengenal pasti penerimaan mereka terhadap elemen *fiqh* semasa dalam kursus Pendidikan Islam.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian langsung dalam pengajaran dan dokumen pelajar. Pemilihan peserta kajian adalah secara pensampelan bertujuan iaitu empat orang pelajar dan empat orang pensyarah yang terlibat dengan kursus Pendidikan Islam di IPG sekitar Lembah Klang. Pemilihan pelajar dan pensyarah berkenaan adalah untuk memastikan maklumat yang diperoleh mendalam dan berfokus (Yin 2009), mampu menjawab persoalan kajian (Merriam 2009), dan bersedia memberi kerjasama untuk ditemu bual bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan (Louis Cohen et al. 2011). Penggunaan teknik sampel bertujuan juga membantu penyelidik mengakses lokasi kajian dengan lebih mudah dan memperoleh maklumat yang terperinci dalam menjawab persoalan kajian (Nik Aziz 2014).

Beberapa kriteria turut dijadikan asas pemilihan peserta kajian dalam kalangan pensyarah iaitu mereka yang mengajar kursus Pendidikan Islam (GPI1083), berpengalaman mengajar kursus tersebut melebihi lima tahun dan berkeupayaan untuk menjawab persoalan kajian dengan memberikan informasi yang mendalam dan terperinci kepada penyelidik. Bagi pelajar pula, penyelidik menetapkan pelajar berkenaan perlulah:

1. Mengikuti kursus GPI1083 pada tahun semasa dan bukan dari pengkhususan Pengajian Islam.
2. Sukarela untuk ditemu bual, dirakam, dan mampu memberi kerjasama semasa penyelidikan dijalankan.
3. Penglibatan aktif dalam aktiviti kerohanian kampus.
4. Pemilihan pelajar juga adalah hasil pencalonan pensyarah yang mengajar kursus GPI1083 di IPG yang sama.

Bagi memenuhi kriteria tersebut penyelidik telah melaksanakan beberapa prosedur seperti menghubungi pihak induk IPGM KPM untuk mengetahui enrolmen pelajar IPG Kampus (IPGK) yang berada di Semester Dua pengajian PPISMP dan mengikut penawaran pengkhususan. Seterusnya setelah mengenal pasti IPGK, penyelidik menghantar surat pencalonan kepada Ketua Jabatan di IPGK berkenaan. Dalam surat pencalonan tersebut, dinyatakan juga bersama kriteria-kriteria pemilihan pensyarah dan pelajar seperti di atas. Ketua Jabatan diminta menyatakan dua orang pensyarah dan pelajar bagi setiap IPG. Walau bagaimanapun pengkaji hanya memerlukan seorang pensyarah dan pelajar sahaja sebagai peserta dari IPGK, namun pencalonan seorang lagi adalah sebagai calon simpanan


atau ganti sekiranya pensyarah dan pelajar pertama tidak menerima pencalonan tersebut atau jika berlaku perkara-perkara yang boleh menghalang salah seorang peserta daripada mengambil bahagian dalam kajian ini. Setelah pengkaji menerima pencalonan peserta kajian daripada Ketua Jabatan, pengkaji menghubungi mereka melalui telefon bertanyakan tentang kesediaan mereka untuk melibatkan diri sebagai peserta kajian. Mereka dimaklumkan dua perkara iaitu, penyertaan mereka adalah secara sukarela dan kekerapan penglibatan mereka dalam pemerhatian dan temu bual sepanjang interaksi mereka dalam kursus GPI1083. Peserta juga diminta menandatangani borang pemakluman yang disediakan sebelum proses pemerhatian bermula.

Penetapan lokasi kajian di Lembah Klang pula adalah rentetan daripada kedudukan jarak IPGK yang berdekatan, strategik, mudah dikunjungi dan menyenangkan penyelidik untuk menjalankan kajian dengan mengakses maklumat seperti yang diungkapkan oleh McMillan dan Schumacher (2010). Tambahan pula lokasi kajian berkenaan tidaklah terlalu kompleks dan menjimatkan masa penyelidikan (Wiersma 1991). Selain itu juga, pentadbiran am keseluruhan IPGK berada di bawah pentadbiran sebuah IPGM KPM yang berpusat di Cyberjaya dan diterajui oleh seorang rektor. Justeru, pengambilan pensyarah, kakitangan dan pelajar serta sukatan pelajaran Pendidikan Islam bagi semua IPGK di seluruh Malaysia adalah sama iaitu dikelolakan oleh IPGM KPM. Justeru pemilihan empat buah IPG di Lembah Klang adalah mencukupi bagi membolehkan penyelidik mempunyai banyak masa untuk mendalami data- data serta mewujudkan pelaksanaan kajian yang teratur dan terperinci (Wiersma 1991).

Data-data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian ATLAS.ti 8.0 yang diinterpretasikan dalam bentuk tematik. Tema yang didapati menjelaskan lagi penerimaan pelajar terhadap elemen fiqh semasa dalam kursus Pendidikan Islam yang merangkumi dua kategori utama iaitu pengajaran pensyarah dan pembelajaran. Selanjutnya kategori pengajaran pensyarah diagihkan kepada dua sub kategori iaitu perancangan dan pelaksanaan. Begitu juga dengan kategori pembelajaran diagihkan kepada empat sub kategori iaitu kefahaman, kesediaan, penglibatan dan refleksi.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati, penerimaan pelajar terhadap kursus Pendidikan Islam adalah berkait dengan pengajaran pensyarah dan proses pembelajaran pelajar. Berikut merupakan gambarajah yang menjelaskan dapatan kajian ini:



Rajah 1 Dapatan Kajian bagi Penerimaan Pelajar terhadap Elemen *Fiqh* Semasa dalam Kursus Pendidikan Islam

1. *Pengajaran Pensyarah*

Jelas di sini, pelajar yang berkualiti lahir daripada proses pengajaran dan pembelajaran berkesan yang membawa kepada impak penerimaan dan penerapan kemahiran. Oleh itu, pensyarah perlu berusaha lebih dan kreatif semasa merancang pengajarannya. Pengajaran pensyarah perlu sesuai dengan keupayaan dan kebolehan pelajar. Pensyarah perlu melibatkan pelajar secara aktif dalam proses PdPc nya dan ini menuntut kemahiran pengajaran yang tinggi (Anuar & Nelson 2013). Perancangan pengajaran yang baik adalah bersifat komunikasi dua hala dan memenuhi keperluan pelajar hari ini. Penglibatan pelajar dalam PdPc pensyarah memberi impak yang berkesan ke arah mencapai matlamat Pendidikan Islam itu sendiri. Pembelajaran akan berlaku apabila apa yang diajar itu memberi makna kepada pelajar (Caine & Caine 1994). Oleh yang demikian, pengajaran pensyarah dalam kursus Pendidikan Islam adalah berpandukan pada perancangan sebelum bermulanya kelas dengan mengambilkira beberapa aspek seperti pengetahuan kandungan, kemahiran pedagogi, dan penyebaran nilai semasa supaya elemen-elemen fiqh dapat diterapkan dalam pengajaran. Perancangan yang teliti dan sistematik juga membuatkan pensyarah mengolah hasil pembelajaran berdasarkan aras taksonomi yang betul dan merancang aktiviti yang bersesuaian dengan perkembangan pelajar (Saini et al. 2016).

Dalam konteks pengajaran di IPG, topik pengajaran pensyarah ditetapkan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (IPGM KPM) yang selari diguna pakai untuk semua bidang pengkhususan. Topik-topik berkenaan dirancang dalam awal semester dan diagihkan kepada pelajar menurut kesesuaian waktu pensyarah. Jelas Pelajar B, “ustazah ajar apa yang ada dalam silibus semester tu lah. So kami dah tahu awal lagi sebelum kelas topik mana yang nak belajar tu.” Begitu juga dengan pandangan Pelajar C, “Kami dah diberi senarai sub-topik pada awal semester lagi. Jadi senanglah kami nak buat perancangan nak *study*.” Pelajar D turut mengakui agihan topik pengajaran berkenaan, “Bila ustaz dah agihkan tajuk dengan sub-topik, mudahlah bagi kami nak merancang dan bersiap sedia dengan tajuk tu.” Secara tidak langsung perancangan pensyarah menjadikan pelajar lebih bersedia untuk menghadapi proses pembelajaran akan datang. Hujah pelajar A, “Selalunya ustazah rancang apa yang dia nak ajar for *the next lesson* dengan bagi kami topik supaya kami lebih bersedia.”

Perancangan pengajaran pensyarah itu juga dapat dilihat berdasarkan triangulasi komen mereka dengan mencari bahan rujukan dari sumber ilmiah seperti buku, internet, dan perbincangan rakan bagi menyusun atur pemilihan kaedah dan strategi dalam menyusun maklumat, aktiviti, pendekatan dan sumber bahan untuk membantu pelajar mencapai objektif yang telah ditetapkan (Kamarul Azmi & Ab Halim 2012; Shahabudin et al. 2003).

Saya ada juga belek-belek kitab dari *library*. Kalau kebetulan kitab tu saya ada, saya rujuklah. Internet ni selalunya saya buka tengok, kalau-kalau ada yang sesuai (Pensy1).

Selalunya saya banyak *refer* pada kitab-kitab berkaitan *fiqh* semasa yang ada di *library*. Tapi dalam internet pun dah banyak. Artikel pasal isu-isu ni pun banyak (Pensy2).

Macam saya selalunya saya rujuk kitab dan buat sedikit *discussion* dengan kawan-kawan yang lebih arif dalam hal ni (Pensy3).

Sebelum mula sem lagi kita dah tahu topik keseluruhan tajuk tu. Jadi dah ada perancangan tentang strategi dan pelaksanaan PdPc tu nanti (Pensy4).

Selanjutnya, proses perancangan membawa kepada pelaksanaan pengajaran yang menekankan kemahiran pedagogi di dalam kelas. Kemahiran ini memerlukan strategi dan pendekatan tertentu yang pelbagai supaya pelajar dapat memahami pelajaran dengan baik (Ishak 2009). Pedagogi berkesan adalah bersifat dua hala komunikasi antara guru dan pelajar. Strategi ini telah diamalkan sedari dulu lagi dan disesuaikan dengan perkembangan semasa. Dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, pensyarah memperincikan konsep yang dipelajari dan mengaplikasikannya melalui simulasi perbincangan bersama-sama pelajar. Pelajar menerima kaedah berkenaan melalui penglibatan mereka dalam setiap topik yang dibincangkan. Topik-topik perbincangan itu adalah proses interaksi pelajar dengan pensyarah supaya berlakunya proses pemerolehan ilmu dan pengetahuan atau penguasaan kemahiran atau pembentukan sikap dan kepercayaan pada pelajar. Hal ini disebabkan oleh matlamat pembelajaran adalah menghasilkan perubahan yang kekal hasil daripada penglibatannya dalam sesuatu pengalaman pendidikan (Noor Hisham 2011). Oleh itu, pelajar-pelajar berkenaan mengatakan;

Masa mengajar tu, ustazah banyak berbincang dan bagi penerangan pada kami (Pelajar A).

Kalau sentuh isu solat dan tayammum tu, ustazah minta kami duduk dalam *small group* and buat simulasi macam mana nak bertayammum. Secara tak langsung boleh jugak la *refresh* benda tu pada kami (Pelajar B).

Selalunya ustaz banyak *discuss* isu semasa dengan kami. *Pastu* ustaz minta pendapat, *at the end* ustaz akan kaitkan dengan al-Qur'an dan hadis (Pelajar C).

Ustaz ada juga tunjuk video tentang isu-isu yang berlaku. *Pastu* ustaz jelaskan isu tu menurut pandangan Islam. Sesekali ada jugak la kami *discuss* dalam group kecil (Pelajar D).

Perbincangan dalam kelas juga menjurus kepada elemen kesemasaan dalam ilmu *fiqh*. Antara elemen yang diteliti adalah elemen konsep, persekitaran, epistemologi, dan cabaran dalam mempelajari Pendidikan Islam ini. Berikut adalah komen pelajar;

Macam ustazah ada juga cerita tentang penggunaan alkohol dalam makanan. Kenapa diharamkan. Kenapa di negara yang sejuk, Dibenarkan dengan kuantiti yang sedikit. Jadi ustazah *explained* dengan *details* tentang isu tu (Pelajar A).

Ada jugak ustazah bagitahu tentang perbezaan pandangan imam mazhab. Kenapa di negara Arab, kalau sentuh lelaki perempuan tak batal wuduk. Tapi di Malaysia ni, batal wuduk. Ohhh rupanya ada syarat, kriteria yang menyebabkan tak batal wuduk tu (Pelajar B).

Ustaz ada bagi perbandingan dengan suasana di Barat dengan di Malaysia. Kalau di Barat, Muslimnya boleh solat di ruang-ruang kecil gereja. Tapi kalau di Malaysia ni, kalau buat macam tu boleh timbul fitnah (Pelajar C).

Pernah ustaz tunjukkan video tentang kehidupan Muslim di China. Kenapa diorang ni macam terbawa-bawa budaya Cina tu macam adat minum teh, makan guna *chopstick*. Masa tu ustaz terus explain yang budaya tu selagi tak bercanggah dengan syarak memang diterima (Pelajar D).

Jelas di sini, perancangan dan pelaksanaan pengajaran pensyarah dalam Pendidikan Islam mengambil kira aspek kebolehan pelajar dan kandungan pengetahuan dengan memberi ruang untuk

pensyarah lebih bersedia dalam menyampaikan ilmu. Dapatan triangulasi adalah:

“mengajar pelajar yang bukan opsyen ni perlukan lebih kesabaran dalam berikan input. mereka ni rata-ratanya dari bukan latar belakang pendidikan agama. jadi penggunaan istilah tu penting sangatlah untuk pelajar ni faham tentang fiqh ni..”(Pensy1)

“..pelajar kita ni tak susah mana nak bentuk. mereka dah didedahkan dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran semasa. cumanya dalam Pendidikan Islam ni, saya tekankan pada isi content lah untuk memudahkan mereka faham..” (Pensy3)

Selain itu, pensyarah juga menyifatkan penerapan elemen fiqh semasa dalam Pendidikan Islam adalah sesuatu yang mencabar untuk digabungkan dengan kemahiran pedagogi. Tambahan pula ia menuntut kepada tempoh waktu yang lama dan komunikasi sehalu yang lebih memihak kepada pensyarah. Ujar pensyarah;

“bukan senang nak kaitkan unsur-unsur dalam fiqh dalam Pendidikan Islam tu sendiri dengan pedagogi dalam kelas. cabaran sebenarnya..” (Pensy1)

“saya memang seronok bila ngaja Pendidikan Islam ni, lebih-lebih lagi bila saya nak beri contoh dan penjelasan lanjut. tapi tu la, masa tu tak banyak..” (Pensy2)

“satu cabaran pada saya. tapi seronok.. at least masing-masing dapat ilmu..” (Pensy4)

b. Pembelajaran

Dalam pada itu juga, penerimaan pelajar turut dilihat menerusi kefahaman konsep dalam fiqh semasa bagi topik Pendidikan Islam. Kefahaman konsep adalah sebahagian daripada persediaan pembelajaran yang memberi gambaran awal terhadap sesuatu topik. Implikasinya adalah perubahan tingkah laku dihasilkan kesan daripada interaksi dengan persekitaran yang merangsang daya fikir dan kefahaman individu dalam memperoleh fakta atau kemahiran baru (Ishak Baba, 2009; Shahabudin Hashim et. al, 2003). Dalam hal ini, pelajar mempunyai tanggapan awal dalam sesuatu topik. Kefahaman mereka didorong oleh pembacaan awal dan juga pengetahuan sedia ada. Pelajar A dan pelajar D berpandangan, fiqh semasa adalah kefahaman terperinci yang menyentuh amalan fiqh secara praktikal, umum dan realiti untuk membezakan antara yang hak dan batil dalam aspek sosial, ekonomi, politik, dan sosio-budaya.

“..fiqh semasa ni berkait dengan realiti lah. aaa..faham realiti yang berlaku dari pandangan syarak.” (Pelajar A)

“bila ada kefahaman tentang realiti semasa yang berlandaskan sumber Islam ni, kita akan sentiasa berfikiran terbuka dan mudah menerima kesan-kesan sampingan, negatif ke positif ke..jadi perkara-perkara macam ni bila diteliti ada kesan pada hukum Islam jugak la kan.” (Pelajar D)

Sedari itu, pelajar B menambah fiqh semasa adalah sebagai kemudahan kepada umat Islam bagi mencapai kesejahteraan dan kesempurnaan hidup. Komen beliau, “*fiqh ni kan berdasarkan pemahaman kita pada sesuatu perkara dengan apa yang al-Qur'an, Hadis, ijmak, dan ijtihad ulama. jadi bila dikaitkan dengan isu semasa, ia sebagai satu kemudahan pada kita lah untuk sempurna hidup.*” Dalam pada itu, pelajar C menyatakan bahawa fiqh semasa memupuk nilai-nilai dalam diri manusia sama ada

positif atau negatif tanpa sedar yang membentuk pemikiran moden dan terbuka. Katanya, *“emmm..fiqh semasa ni sesuatu yang kita faham, tahu, dan sedar tentang isu yang berlaku di sekeliling yang merujuk pada pandangan al-Qur'an, Sunnah Nabi, ijmak, dan ijtihad para ulama.”*

Dalam pada itu, pelajar turut menyatakan lazimnya mereka membuat persediaan awal dengan mengulangkaji sebelum pembelajaran sebenar berlangsung bertujuan untuk mendapatkan gambaran awal tentang topik yang bakal dipelajari. Hal ini juga bertujuan bagi memperoleh kefahaman di awal pembelajaran kelak. Ulas mereka:

“saya selalunya study jugak lah sikit-sikit sebelum masuk kelas. nak dapatkan overview tajuk je.” (Pelajar A)

“sebelum masuk kelas, saya akan go through jugak la tajuk-tajuk yang nak belajar. ye lah mana tahu mungkin ada yang menarik minat untuk tanya nanti.” (Pelajar C)

Namun sekiranya pelajar terlibat dengan pembentangan atau perlu menyiapkan tugas bagi kursus Pendidikan Islam, maka mereka akan lebih fokus dan tekun dalam mengulangkaji.

“ulangkaji sebelum kelas ni memang jarang la saya buat. tak sempat. tunggu je orang lain bentang. masa bentang tu, memang saya yang banyak tanya. ye lah nak tahu jugak pasal topik tu. nak baca sendiri, tak sempat. tapi kalau saya yang kena bentang, memang saya akan stay up lah.” (Pelajar B)

“macam saya, study sebelum kelas tu tengok keadaan jugak la. kalau sempat, saya study. kalau tak, saya tunggu ustaz ajar dulu la. selalunya tengok-tengok macam tu je lah..” (Pelajar D)

Kedapatan juga topik yang mampu menarik minat mereka untuk membuat pembacaan awal seperti carian isu-isu semasa yang menyentuh tentang hukum syarak dan nilai moral masyarakat. Seperti yang diungkapkan oleh pelajar B, *“kadang tu ada jugak topik yang saya rasa nak tahu dulu macam isu akidah, isu mazhab. jadi sebelum mula topik tu memang saya try cari maklumat dulu la..”* Walau bagaimana pun pelajar D pula menambah, *“sebelum mula kelas tu saya ada tengok proforma dulu, tengok topik apa yang minggu ni. kalau ada topik yang saya rasa menarik tu, saya cari info dulu lah.”*

Kesediaan pelajar dalam membuat ulangkaji awal sebelum pelajaran sebenar turut diakui oleh pensyarah yang mengajar iaitu:

“pengalaman saya yang lalu, bila saya beri tugas atau homework pada pelajar ni membuatkan mereka ni lebih bersedia dan bersemangat untuk belajar semasa dalam kelas. tapi bila sebaliknya, pelajar ni jadi lesu tanpa sebarang persediaan menjadikan kita yang mengajar ni pun turut rasa stress..” (Pensy2)

“sebenarnya bila kita bagi tugas pada pelajar ni contohnya yang melibatkan dalam persoalan agama, dengan tak langsung dapat galakkan diorang ni mencari dan mempelajari ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan kefahaman fiqh Islam..” (Pensy4)

Di samping itu, penglibatan aktiviti pelajar turut menunjukkan penerimaan mereka terhadap kursus Pendidikan Islam ini. Penglibatan mereka adalah sebagai maklum balas dalam menerima pengajaran yang disampaikan secara aktif mahu pun pasif. Aktiviti yang dilaksanakan adalah berpandukan kepada kandungan pengetahuan kursus dan strategi pensyarah semasa proses PdPc berlangsung. Menurut mereka;

“..ustazah banyak keluaran cerita, tunjuk video, kira kelas masa tu gamat la jugak. masing-masing try giving ideas..” (Pelajar A)

“pada saya, ilmu agama ni adalah teras kehidupan. so nak tak nak, memang kena belajar untuk tahu. jadi kita kena terimalah apa saja yang ada masa proses belajar tu..” (Pelajar B)

“macam saya, selalunya setiap subjek tu saya mesti study sikit sebelum mula kelas. bukan apa pun, just nak dapatkan sikit gambaran tentang tajuk haritu..” (Pelajar C)

“tengok pada topik jugak la. kadang tu kalau kena topik sirah ke, al-Qur’an ke, memang sedikit pasif lah saya..” (Pelajar D)

Realitinya strategi pensyarah di dalam kelas semasa menyampaikan topik-topik tertentu mampu menarik minat dan menyumbang kepada rasa ingin tahu pelajar terhadap sesuatu perkara. Keinginan ini menjadi rangsangan kepada penemuan, pendedahan, dan peluasan ilmu pengetahuan pelajar dalam sesuatu isu yang mempunyai kesan pada hukum Islam. Hal ini bertepatan dengan pandangan al-Qaradawi (2004, 2008) iaitu generasi Muslim perlu menyediakan diri dengan menguasai ilmu pengetahuan dalam berhadapan pelbagai cabaran semasa supaya tidak tersasar dengan hakikat sebenar penciptaan insan. Cabaran semasa ini diertikan oleh Ibn Bayyah (2014) sebagai ujian global yang menyelalap masuk dalam kehidupan harian tanpa disedari hingga diangkat sebagai rutin normal masyarakat. Oleh yang demikian Rahimin Affandi et al. (2009) menyarankan keperluan bagi individu Muslim untuk sentiasa bersedia dan berdaya saing dengan menjalankan penyelidikan dari semasa ke semasa melalui analisis kritis di samping kajian pembacaan lanjut dalam sesuatu isu dan permasalahan semasa yang berlaku. Situasi ini perlu disokong dengan motivasi intrinsik individu Muslim bagi menjadikan mereka khususnya pelajar aktif dalam setiap aktiviti yang dikehendaki.

Pelajar juga menilai pembelajaran dengan membuat refleksi sendiri sebagai bukti penerimaan pelajaran dalam Pendidikan Islam iaitu dengan mengingat kembali aktiviti pembelajaran dalam jangka waktu tertentu. Ini kerana proses refleksi adalah rakaman perasaan, semangat, nasihat, dan kesan kepada sesi pembelajaran yang telah diikuti. Pelajar juga lebih gemar bertanya dan berbincang dengan rakan serta pensyarah. Dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru dan pelajar sewajarnya melakukan refleksi dengan jujur dan terbuka bagi menambah baik keberhasilan aktiviti masing-masing. Menurut pelajar A, setiap kali selesai kelas Pendidikan Islam beliau akan membuat sedikit ulangkaji dengan meneruskan pembacaan lanjut bagi mengaitkan isu dan persoalan semasa yang telah dibangkitkan di dalam kelas. Hasil bacaan tersebut diperoleh daripada jaringan internet akan dikongsi bersama rakan-rakan kelas menerusi aplikasi media sosial seperti *whatsApp*. Hujahnya,

“selalunya saya banyak rujuk pada kawan-kawan, ustazah masa kat sekolah dulu. kami kan ada WhatsApp group, so dari info yang dapat tu nanti saya share pada kawan-kawan yang lain. selalunya info tu tentang hukum-hukum ibadat, halal haram.”

Pandangan tersebut turut disokong oleh pelajar D, namun beliau hanya melakukan bacaan lanjut sekiranya diminta oleh pensyarah dan melibatkan isu dan persoalan semasa yang dekat dengannya seperti isu penggunaan kolagen dalam produk kosmetik. Ujarnya lagi, “*bergantung pada isu jugak lah. kalau tak leh selesai dalam kelas, memang kena cari maklumat tambahan la. pastu nanti share dalam WhatsApp group.*”

Walau bagaimana pun, pelajar C pula berpandangan adalah menjadi kewajipan pelajar untuk terus mencari ilmu dengan mengkaji dan mendalami setiap perbahasan ilmu supaya inti pati ilmu dapat dihayati dan diamalkan sepenuhnya dalam kehidupan. Beliau yang gemar membaca, menjadikannya sebagai rutin setiap kali berakhir sesi PdPc Pendidikan Islam. Komennya, *“pada saya, sebab dia ni ilmu agama, jadi wajib lah bagi kita untuk belajar, amal, dan hayati setiap apa yang diperintahkan. bukan tunggu kena suruh saja.”*

Berbeza pula dengan pelajar B, beliau hanya menerima setiap perincian dan perbahasan isu semasa di dalam kelas dan perkongsian dengan rakan-rakan. Ini kerana kekangan masa dalam mengurus jadual aktiviti harian seperti tugas lain-lain kursus dan persatuan membataskan pembacaan beliau. Hurnya lagi, *“ohh..saya ni tak berapa lah nak rajin dalam buat ulangkaji selepas kelas ni. ye lah banyak yang nak kena buat lagi kan. saya banyak bergantung pada apa yang disampaikan dalam kelas je..”*

Pandangan pelajar-pelajar berkenaan turut selari dengan translusi temu bual bersama pensyarah yang mengajar di mana mereka turut terlibat dengan aktiviti ilmu di luar kelas bagi memantapkan kefahaman Islam mereka iaitu:

Kita memang tak cukup masa. apa yang kita bincangkan dalam kelas tu, kita sambung di luar kelas. Sekarang ni kami ada WhatsApp group (Pensy1).

Pelajar ni lebih advance dari kita yang pensyarah ni. Tambah pula sekarang ni dunia *smart phone* belaka. Cepat je la pelajar ni cari maklumat di internet. Cuma kita kena guide mereka supaya sumber yang dapat tu adalah tepat dan tidak menyesatkan (Pensy2).

Lagi pun kita kat sini ada usrah pelajar. Jadi kadang tu, pelajar boleh bawa isu dan perbincangan tu dalam usrah (Pensy3).

Selalunya saya galakkan pelajar ni timba ilmu dari luar macam usrah, kelas *tafaqquh*. jangan hadkan dalam kelas je sebab kita tak cukup masa sangat (Pensy4).

Oleh yang demikian, dapatan tersebut menunjukkan pembelajaran pelajar realitinya turut bertindak balas dengan suasana dan budaya di sekeliling yang memberi kesan kepada epistemologi dan aksiologi pelajar. Dapatan ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Ishak Baba (2009) yang melihat peningkatan kecemerlangan akademik dan sahsiah pelajar adalah dipengaruhi oleh persekitaran. Jelas di sini, suasana pembelajaran yang dirancang dan disusun rapi didapati merangsang penerimaan ilmu dalam diri pelajar. Penggunaan kaedah pengajaran yang pelbagai dan bersifat lebih interaktif boleh menarik minat pelajar dan membolehkan mereka mengingat serta memahami isi kandungan yang dipelajari dengan lebih mudah (Saini et al. 2016). Faktor yang pelbagai turut menggalakkan perkembangan interaksi ilmu dan pelajaran antara guru, pelajar, dan persekitaran. Oleh itu masyarakat perlu mengaitkan pola kehidupan dengan rangkaian yang ada di sekeliling seperti aspek sosio budaya, ekonomi, dan politik dalam memahami kehidupan yang berlandaskan syariat Islam di samping berteraskan sumber al-Qur'an dan *al-Sunnah*. Sehubungan itu, Mahmood Zuhdi (2010) menegaskan adalah wajar untuk meneliti sesuatu fenomena dari perspektif tempatan khususnya yang melibatkan multi budaya, strata lapisan masyarakat, iklim, dan pengetahuan sains teknologi.

Matlamat utama pendidikan adalah untuk memastikan perkembangan dan pendidikan moral pelajar yang sentiasa berhubungan dengan persekitaran semasa. Sejajar itu, pelajar berinteraksi dengan proses didikan guru melalui pengajaran dan pembelajaran. Fooi (2005) berpandangan pengajaran guru

adalah suatu ciri yang unik dan berbeza daripada ciri-ciri lain yang hanya bersifat memberi dan menerima sahaja. Sehubungan itu, tugas mendidik perlu dilaksanakan dengan penuh komitmen dan dedikasi bagi memastikan penerimaan pelajar dalam memahami ilmu dan mengaplikasinya dalam kehidupan. Dalam pada itu, tugas mendidik juga menuntut para guru mementingkan perkembangan pelajar secara holistik yang mengutamakan komunikasi, kognitif, afektif, dan sosial semasa proses PdPc berlangsung. Secara tidak langsung, proses ini juga mengembangkan lagi elemen-elemen pengetahuan yang diterapkan dalam kurikulum seperti pengetahuan kandungan, pengetahuan penyelesaian masalah, pengetahuan epistemik, dan pengetahuan inkuiri. Rentetan daripada temu bual dan pemerhatian yang dijalankan, penyelidik turut mengenal pasti kelemahan yang ada semasa proses PdPc iaitu pelajar lebih bergantung kepada pengajaran pensyarah dan menerima informasi yang diberikan tanpa keraguan. Situasi ini agak mendatangkan kesukaran kepada pensyarah untuk menyediakan maklumat sepenuhnya kepada pelajar dan memerlukan pedagogi yang bervariasi dalam proses penyampaian pengajaran. Lantaran itu, fokus penyelidik kini adalah meneliti penerimaan pelajar dalam elemen *fiqh* semasa terhadap kursus Pendidikan Islam sahaja meski pun beberapa kelemahan dikenal pasti semasa penyelidikan dilakukan. Hasil kelemahan ini juga akan dikupas dalam penulisan artikel akan datang untuk fokus yang berbeza dalam mencari solusi terbaik bagi memantapkan amalan pendidikan khususnya Pendidikan Islam.

Kepentingan menguasai pengetahuan subjek dalam kalangan pensyarah sangat dituntut agar pengajaran mencapai objektifnya. Menurut al-Na'mi (1994), pengajaran guru pendidikan Islam harus selaras dengan kemampuan murid bagi mengelakkan kebosanan, kekeliruan seperti salah erti dan salah guna dalam kalangan murid. Malah al-Qaradawi (2000) juga memberi penekanan terhadap kepentingan pengetahuan isi kandungan (*maddah 'ilmiyyah*) dalam pendidikan islam iaitu berkualiti, tepat (*al-asalah*) serta bermanfaat kepada murid. Pengajaran pensyarah bergantung kepada pengetahuan kandungan dalam pendidikan islam kerana tujuan sebenar amalan pengajaran adalah untuk melahirkan khalifah Allah yang beriman yang seimbang dari segi amalan juga dan penghayatan (Kamarul Azmi & Abdul Halim 2012).

KESIMPULAN

Realitinya di sini, golongan pelajar bersemangat dan bersungguh dalam mempelajari Pendidikan Islam di IPG kerana menyedari kepentingan pengamalan hukum kini. Semangat dan kesungguhan itu disokong dengan pengajaran pensyarah dan pembelajaran individu mereka. Oleh itu, pendekatan yang digunakan oleh pensyarah seharusnya bersifat komunikasi dua hala dan sederhana yang mengambilkira aspek kefahaman, persekitaran, epistemologi, dan cabaran semasa dalam penerapan elemen *fiqh* semasa. Tujuannya adalah untuk menerapkan nilai keIslaman dalam pembangunan diri dan juga mengelakkan salah tanggapan dalam melaksanakan hukum Islam. Oleh yang demikian, penguasaan dan pengetahuan *fiqh* semasa dalam Pendidikan Islam perlu diterapkan sepenuhnya dalam pengajaran tersebut bagi memberi kefahaman yang jelas dan mengelakkan kekeliruan pada masyarakat. Penyampaian pengajaran tersebut perlu mengikut proses dan prosedur yang sewajarnya tanpa berlandaskan nafsu. Interaksi pelajar dengan pengetahuan *fiqh* semasa adalah positif sementelah ianya dikaitkan dengan pelbagai situasi yang membelenggu kehidupan. Kemahiran pensyarah dalam menggunakan strategi, pendekatan, kaedah pengajaran berkesan dan teknik yang bersesuaian turut dapat membantu pelajar memahami hukum Islam dengan baik. Kebijaksanaan pensyarah memilih metodologi pengajaran akan menjadikan pengajaran mereka dan pembelajaran pelajar lebih bermakna dan berkesan.

PENGHARGAAN

Kajian ini adalah dapatan bersumberkan geran yang diterima daripada pihak Universiti Malaya bagi projek PG209-2015B, Pengambilkiraan Elemen Fiqh al-Waqi' dalam Pendidikan Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Ucapan terima kasih juga kepada pihak-pihak sama ada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan projek penyelidikan ini.

RUJUKAN

- Abdull Sukor Shaari & Kalaidevi, Aplanaidu. 2012. Kesan pendekatan pembelajaran masteri terhadap pencapaian kemahiran membaca bahasa Melayu murid pemulihan sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2(2): 94-105.
- Anuar Ahmad & Nelson Jinggan. 2015. Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 3(2): 1-11.
- Basri Ibrahim. 2011. *Metod Fatwa al-Qaradawi dalam Menangani Isu-isu Semasa*. Selangor: al-Hidayah Publication.
- Caine, G., Caine, R.N. & Crowell, S. 1994. *Mindshifts: A Brain-Based Process for Restructuring Schools and Renewing Education*. Arizona: Zepher Press.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. 2011. *Research Methods in Education*. US: Routledge.
- Deswita. 2013. Konsep pemikiran Ibnu Sina tentang pendidikan akhlak. *Jurnal Ta'dib* 16(2): 168-176.
- Farah Farhana Rosli & Mohd Anuar Ramli. 2016. penerapan maqasid al-shariah terhadap fiqh semasa dalam pengajaran Pendidikan Islam di IPG. Dlm. Rahimin Affandi Abdul Rahim, Mohd Anuar Ramli, Shahidra Abdul Khalil (pnyt.). *Maqasid al-Shariah: Aplikasi dalam Aspek Sosial dan Perundangan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Farah Farhana Rosli, Mohd Anuar Ramli, Zetty Nurzuliana Rashed, & Firdaus Abdul Fatah. 2017. Penerapan fiqh waqi'i dalam pengajaran pendidikan Islam. *Jurnal Penyelidikan TEMPAWAN* 34(2017): 72-83.
- Fooi, F.S. 2005. *Etika Perguruan: Jaminan Peningkatan Profesionalisme*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2005. *Ihya' 'Ulum al-Din*. Bayrut: Dar Ibn Hazim.
- Ibn Bayyah, 'Abd Allah. 2014. *Tanbih al-Maraji' 'ala Taksil Fiqh al-Waqi': al-Taysir wa al-Tabshir wa al-Tadhkir wa al-Tabsir*. Bayrut: Markaz Nama' li al-Buhuth wa al-Dirasat wa Dar al-Tajdid.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad Abu Bakr Ayyub Sa'd Shams al-Din. 2003. *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Shara'iyah*. Jiddah: Dar 'Alim al-Fawa'id.
- Ishak Baba. 2009. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan kaitannya terhadap prestasi akademik pelajar UTHM. <http://eprints.uthm.edu.my/5572/1/0486.pdf> [15 Mei 2018].
- Jabatan Pelajaran Negeri Johor. 2017. *Standart Prestasi Pembelajaran Abad ke-21 Sekolah-sekolah Negeri Johor*. Johor Bharu: Jabatan Pendidikan Negeri Johor. <http://jpnjohor.moe.gov.my/jpnjohor/v6/pdf/standardPAK21.pdf> [15 Mei 2018].
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. 2012. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2006. Hukum Islam semasa di Malaysia: Prospek dan cabaran. Dlm.) Hashim Yaacob & Hamed Mohd Adnan (pnyt.). *Melayu, Islam dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2010. *Transformasi Fikah Semasa: Evolusi Hukum Islam*. Batu Caves: PTS Islamika.

- McMillan, James H. & Schumacher, Sally. 2010. *Research in Education: Evidence-Based Inquiry*. London: Pearson Education Inc.
- Merriam, Sharan B. 2009. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. US: Jossey-Bass Publishers.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. 2012. *Yusuf al-Qaradawi dan Pengaruhnya dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. Negeri Sembilan: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Firdaus Nurul Huda. 2002. *Kesan Perubahan Sosial terhadap Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Thinker's Library.
- al-Na'mi, 'Abd Allah al-Amin. 1994. *Kaedah dan Teknik Pengajaran menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2004. Pandangan Yusuf al-Qaradawi terhadap fiqh semasa. *Jurnal Islamiyat* 26(2): 69-81.
- Nik Azis Nik Pa. 2014. *Penghasilan Disertasi Berkualiti dalam Pendidikan Matematik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Noor Hisyam Md Nawawi. 2012. Islamisasi kurikulum Pendidikan Islam di Institusi Pendidikan Guru: Tribulasi dan cadangan. *Universiti Malaysia Kelantan Institutional Repository*. <http://umkeprints.umk.edu.my> [15 Mei 2018].
- Noor Hisyam Md Nawawi. 2015. Kesinambungan dan sinergisme konsep kesepaduan dan Islamisasi ilmu. *e-Journal of Arabic Studies & Islamic Civilization* 2: 60-68.
- Noraini Omar, Mohd Aderi Che Noh, & Mohd Isa Hamzah. 2015. Kepelbagaian elemen budaya dalam pengajaran pendidikan Islam: Isu dan kepentingan. *The Online Journal of Islamic Education* 3(Special Issue): 1-11.
- Norazri Mohd Zaidin. 2015. Penerapan nilai-nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah pembentukan sahsiah pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara. Disertasi Sarjana. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin, & Asmawati Suhid. 2016. Pendekatan dan kaedah pengajaran ibadah solat guru pendidikan Islam menurut perspektif murid. *The Online Journal of Islamic Education* 4(2): 46-53.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2000. *al-Tarbiyyah 'ind al-Imam al-Shatibi*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah li-Taba'ah al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2004. *al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Madrasah Hasan al-Banna*. al-Qahirah: Maktabah Wahbah.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2008. *Mujibat Taghayyur al-Fatwa fi 'Asrina Tagayyur al-Fatwa fi Nashrina*. al-Qahirah: Dar al-Shuruq.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim, Paizah Ismail, Shamsiah Mohamad, & Nor Hayati Md Dahlal. 2009. Konsep fiqh semasa dalam pembinaan Tamadun Islam Malaysia. *Jurnal Fiqh* 6(Special Issue): 41-66.
- Saini Ag. Damit, Noorafini Kassim & Nor Ain Manap. 2016. Bahasa Arab dalam ibadah: Satu kajian kefahaman pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS). *Journal of the Centre for Promotion of Knowledge and Language Learning MANU* 24: 67-89.
- Samsudin Sihaili, Nazri Muslim & Rozita Ibrahim. 2011. Masyarakat majmuk dan pendidikan pelbagai budaya: Refleksi dan pengalaman ahli akademik IPTA. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional. Anjuran Majlis Profesor Negara. 14-15 Disember.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd. Zohir Ahmad. 2003. *Pedagogi: Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Wiersma, W. 1991. *Research Methods in Education: An Introduction*. Boston: Allyn & Bacon.
- Yin, Robert K. 2009. *Case Study Research: Design and Methods*. US: Sage Publications.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 2014. *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Bayrut: Mu'assasah al-Risalah Nashirun.